

PEMBANGUNAN SIFAT BEKERJA DALAM KUMPULAN (*TEAMWORKING*) SEBAGAI ATRIBUT UTAMA GRADUAN IPT: HURAIANNYA MENURUT PERSPEKTIF WAHYU

Nurazmallail Marni
Ahmad Kilani Mohamed
Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor

Suggested Citation:

Marni, N., Mohamed, A. K., Jasmi, K. A. (2004). Pembangunan Sifat Bekerja dalam Kumpulan (*Teamworking*) sebagai Atribut Utama Graduan IPT: Huraianya Menurut Perspektif Wahyu in *Seminar Kebangsaan Pembangunan Sumber Manusia 2005* at Hotel Sofitel, Senai, Johor Bahru, Johor, on 3-2Februari 2005, pp 1-12.

Abstrak

Dunia pekerjaan amat memerlukan kemahiran bekerja dalam kumpulan di samping kelayakan akademik yang ditetapkan oleh majikan. Pelbagai usaha dan pendekatan dilakukan untuk menanam sifat bekerja dalam kumpulan di kalangan pelajar IPT sebelum bergelar graduan dan memasuki pasaran peluang pekerjaan. Suatu hakikat yang perlu ditegaskan ialah pendidikan sifat bekerja dalam kumpulan '*teamworking*' atau *amal jama'i* telah dititikberatkan dalam islam sama ada menerusi al-Quran ataupun hadis. Kertas kerja ini membincangkan kepentingan sifat bekerja dalam kumpulan dan beberapa panduan yang diveduk daripada sumber wanyu dan kisah-kisah teladan yang berkaitan dengannya dalam usaha menyuburkan sifat tersebut ke dalam jiwa pelajar IPT. Diharapkan kertas kerja ini dapat menyumbang sesuatu kepada pembangunan sumber manusia di kalangan pelajar IPT yang bakal menjadi graduan dan menerokai alam pekerjaan pada masa hadapan.

PEMBANGUNAN SIFAT BEKERJA DALAM KUMPULAN (*TEAMWORKING*) SEBAGAI ATRIBUT UTAMA GRADUAN IPT: HURAIANNYA MENURUT PERSPEKTIF WAHYU*

Nurazmallail Marni
Ahmad Kilani Mohamed
Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Skudai,

Abstrak

Dunia pekerjaan amat memerlukan kemahiran bekerja dalam kumpulan di samping kelayakan akademik yang ditetapkan oleh majikan. Pelbagai usaha dan pendekatan dilakukan untuk menanam sifat bekerja dalam kumpulan di kalangan pelajar IPT sebelum bergelar graduan dan memasuki pasaran peluang pekerjaan. Suatu hakikat yang perlu ditegaskan ialah pendidikan sifat bekerja dalam kumpulan '*teamworking*' atau *amal jama'i* telah dititikberatkan dalam Islam sama ada menerusi al-Quran ataupun hadis. Kertas kerja ini membincangkan kepentingan sifat bekerja dalam kumpulan dan beberapa panduan yang divedik daripada sumber wanyu dan kisah-kisah teladan yang berkaitan dengannya dalam usaha menyuburkan sifat tersebut ke dalam jiwa pelajar IPT. Diharapkan kertas kerja ini dapat menyumbang sesuatu kepada pembangunan sumber manusia di kalangan pelajar IPT yang bakal menjadi graduan dan menerokai alam pekerjaan pada masa hadapan.

Kata Kunci: Pembangunan Sifat Bekerja Dalam Kumpulan (*Teamworking*) Sebagai Atribut Utama Graduan IPT: Huraianya Menurut Perspektif Wahyu

1.0 PENGENALAN

Pembangunan kerjaya yang cemerlang adalah hasil daripada alam pendidikan yang sudah bermula sejak awal kejadian insan. Peringkat awal pembangunan kerjaya terdorong daripada penerapan minat terhadap sesuatu profesion oleh ibu bapa atau dibentuk oleh persekitaran yang dilalui. Memandangkan IPT adalah institusi terakhir yang perlu dilalui sebelum seseorang itu memiliki kerjaya, penampilan imej dan sikap graduan sering dikaitkan dengan peranan IPT dalam membentuk atribut pelajarnya. Lantaran itu, terdapat segolongan majikan yang mempunyai tanggapan berbeza ketika menilai para graduan yang memohon pekerjaan dengan menjadikan IPT sebagai label asasnya.

Kemahiran bekerja dalam kumpulan boleh diterapkan sebagai atribut utama graduan IPT jika sistem pendidikan dan suasana kehidupan di kampus yang dilalui oleh pelajar bersifat menjurus kepada pembinaan atribut yang cemerlang antaranya sifat bekerja dalam kumpulan. Pelbagai usaha dan pendekatan perlu dilakukan untuk menanam sifat bekerja

* Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pembangunan Sumber Manusia 2005, anjuran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, UTM Skudai Johor Darul Takzim pada 2-3 Februari 2005 di Hotel Sofitel, Senai, Johor Bahru, Johor.

dalam kumpulan di kalangan pelajar IPT sebelum memasuki pasaran peluang pekerjaan. Dalam hal ini, pendekatan Islam dilihat sebagai satu alternatif dan saluran terbaik bersesuaian dengan konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia hah ini.

Sifat bekerja dalam kumpulan atau teamworking merupakan satu daripada kemahiran generik yang perlu dicapai bagi memenuhi jaminan kualiti IPT dan permintaan daripada pelbagai sektor pekerjaan. Kemahiran generik ialah satu kemahiran umum selain kemahiran teknikal yang diperlukan oleh seseorang untuk bekerja dengan bekesan di tempat kerja dalam menyelesaikan masalah, berkomunikasi secara efektif, berfikir secara kritikai dan kreatif, bekerja berpasukan, mampu menghadapi daya saing dan sebagainya. Atribut graduan pula boleh diertikan sebagai kualiti diri individu yang terbentuk melalui proses penyuburan dan pengilapan semasa mengikuti pengajian di IPT yang kemudiannya terus dimanfaatkan bagi menjayakan tugas dan tanggungjawab dalam sektor pekerjaan, masyarakat dan negara.

2.0 KRISIS PEMBINAAN ATRIBUT GRADUAN IPT

Sebelum ini ramai beranggapan bahawa sesiapa sahaja yang berpendidikan tinggi memiliki secara tidak langsung memiliki ciri atau atribut yang diperlukan oleh alam pekerjaan, kemasyarakatan dan kenegaraan. Tanggapan tersebut nyata tersasar jauh dan meleset dengan statistik pengangguran siswazah yang membimbangkan kita dan pelbagai komen atau maklumbalas daripada pihak majikan terhadap graduan yang diambil bekerja di tempat mereka.

Sebagai contoh, kenyataan akhbar (New Straits Times bertarikh 20/8/2003) Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn menyentuh tentang kebimbangan negara terhadap peningkatan jumlah graduan tanpa pekerjaan disebabkan ketemahan dalam kemahiran berkomunikasi, kemahiran komputer dan kurang semangat kerja berpasukan. Kenyataan di atas menggambarkan betapa pentingnya pendidikan sifat bekerja dalam kumpulan yang secara tidak langsung memerlukan kemahiran dalam berkomunikasi dan menggunakan teknologi ICT khasnya komputer.

Dalam konteks yang lebih khusus, UTM telah mengenalpasti tujuh atribut yang perlu ada pada setiap graduan iaitu;

1. Kemahiran berkomunikasi (Communication skills).
2. Bekerja dalam kumpulan (Teamworking).
3. Penyelesaian masalah (Problem solving).
Fleksibel dan mampu menyesuaikan diri (Adaptability). Pembelajaran sepanjang hayat (Lifelong learning).
6. Keyakinan diri (Self-esteem).
7. Etika atau moral (Ethics).

KONSEP BEKERJA DALAM KUMPULAN

Dalam menghayati semangat bekerja dalam kumpulan atau *teamworking*, empat elemen utama perlu diberi perhatian iaitu matlamat, rasa tanggungjawab, proses dan hubungan sesama ahli kumpulan. Hubungan antara keempat-empat elemen tersebut amat kuat dan saling berkaitan *ibarat* aur dengan tebing.

Dalam konteks pelajar IPT, setiap pelajar yang menjadi ahli sesebuah kumpulan atau persatuan mesti jelas dan komited terhadap matlamat yang telah digariskan. Rasa bertanggungjawab atau *responsibility* menuntut setiap ahli mengenalpasti peranan, tugas dan tanggungjawab masing-masing. Selain itu, setiap ahli mesti tahu proses yang perlu diikuti dan sentiasa berusaha memperbaiki proses tersebut dari masa ke masa. Dan akhirnya, setiap ahli dituntut memelihara hubungan sesama ahli dan menjalin hubungan yang berdasarkan keyakinan dan saling mempercayai antara satu sama lain.

Antara ciri-ciri sifat bekerja dalam kumpulan ialah;

1. Kebolehan untuk membina reputasi yang baik, berinteraksi dan bekerja dengan efektif bersama orang lain bagi mencapai matlamat
2. Kebolehan untuk memahami atau menjangkakan salingtukuran atau persamaan peranan yang dimainkan oleh pemimpin dan pengikut.
3. Kebolehan untuk menyedari dan menghormati atitud, tindakan dan kepercayaan orang lain.
4. Kebolehan untuk memainkan peranan dalam merancang dan mengendalikan usaha dalam kumpulan.
5. Komitmen dalam membuat keputusan secara kolektif.

3.1 Definisi Bekerja Dalam Kumpulan

Kebolehan bekerja dalam kumpulan boleh didefinisikan sebagai satu atribut yang meliputi kebolehan seseorang untuk bekerja dengan orang lain yang datang dari latar belakang yang berbeza dalam mencapai sesuatu matlamat. Definisi ini menekankan bahawa kepentingan matlamat kumpulan adalah mengatasi kepentingan peribadi walaupun terpaksa bekerja dengan orang yang tidak dikenali mahupun kurang disenangi.

Menurut perspektif Islam, maksud bekerja dalam kumpulan atau dikenali sebagai amal jama'i ialah sesuatu perkara yang diputuskan oleh jamaah (kumpulan) yang bernizam (tersusun) selaras dengan manhaj (prinsip) yang telah ditentukan, bertujuan untuk mencapai matlamat yang tertentu (Abu Urwah 1988: 73). Berdasarkan definisi tersebut^ fokus pendefinisian merujuk kepada cara menghasilkan keputusan dan membuat tindakan yang bersesuaian demi mencapai sesuatu matlamat tertentu. Selain itu, Islam menekankan bahawa kaedah mencapai matlamat mestilah bertepatan dengan syariat berdasarkan kaedah 'matlamat tidak menghalalkan cara'.

3.2 Kepentingannya Menurut Perspektif Islam

Menurut Prof Isam Ahmad al-Bashir (1990: 7), '*amal jama'iy*' atau bekerja dalam kumpulan merupakan jihad yang disyariatkan oleh Islam dan dituntut oleh keperluan secara praktikal. Justeru, sifat bekerja dalam kumpulan amat ditekankan dalam ajaran Islam. Banyak keterangan daripada al-Quran, Hadis, dan sebagainya yang menyentuh kepentingan bekerja dalam kumpulan. Antara dalil kepentingan bekerja dalam kumpulan ialah:

3.2.1 Dalil Daripada al-Quran

Antara ayat yang berkaitan dengan kepentingan bekerja dalam kumpulan ialah firman Allah S.W.T. dalam surah Aali Imran, ayat 104 yang maksudnya;

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang makruf, mencegah yang mungkar, dan merekalah orang-orang yang berjaya".

Perkataan 'ummah' dalam ayat tersebut adalah bermaksud 'ta'ifah' atau 'jama'ah' (Sayyid Qutb). Jelas, ia bukan hanya bererti individu-individu yang terpancar-pancar atau sekadar sekelompok manusia. Sayyid Qutb menambah penghuraianya dengan katanya:

Bermaksud: "Adalah satu kemestian diwujudkan satu perkumpulan manusia (jemaah) yang dapat menyempurnakan tugas menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah mereka daripada melakukan kemungkaran. Perkumpulan ini memiliki keahfian yang disatukan melalui paksi agama dan perasaan persaudaraan yang mendalam. Kewujudan perkumpulan seperti ini merupakan syarat utama untuk mencapai kejayaan dalam setiap gerak kerja yang diakukan."

Dalam Tafsir al-Manar dijelaskan bahawa sebenarnya ummah lebih khusus daripada perkataan jama'ah. Ummah ialah suatu jemaah yang terdiri daripada individu yang bersatu dalam satu ikatan atau wahdah (kesatuan) yang padat laksana organ-organ yang ada pada diri seseorang.

Dalam ayat yang lain pula, Allah menyifatkan orang yang bekerja dalam kumpulan sebagai satu binaan yang tersusun kukuh dan mereka adalah golongan yang disukai oleh-Nya. Firman Allah SWT. dalam surah al-Saff, ayat 4 yang maksudnya;

"Sesungguhnya Allah sukakan orang-orang yang berjuang di jalan-Nya dalam barisan seolah-olah satu binaan yang tersusun kukuh".

Frasa 'satu binaan yang tersusun kukuh' bermaksud satu organisasi yang luas diikat dengan kesatuan dan kekuatan, sebahagian memp[erteguhkan sebahagian yang lain dengan caranya yang tersendiri, dan seluruh organisasi itu umpama satu organ yang hidup dan lengkap.

Satu lagi ayat yang menyentuh kepentingan bekerja dalam kumpulan ialah firman Allah SWT. dalam surah al-Ma'idah, ayat 2 yang maksudnya;

Bertolong-tolonglah kamu berbuat kebajikan dan taqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan berbuat dosa dan permusuhan".

Kesimpulannya, sifat bekerja dalam kumpulan amat dituntut dalam Islam dan merupakan amalan baik yang mempunyai pelbagai kelebihan berbanding bekerja secara bersendirian.

3.2.2 Dalil daripada Hadis

Sifat bekerja dalam kumpulan tidak semestinya melibatkan perkara yang besar-besar bahkan ditekan oleh Nabi s.a.w dalam kelompok kecil dan operasi yang mungkin dianggap mudah. Sebagai contohnya, Nabi s.a.w. bersabda yang maksudnya;

"Apabila berangkat tiga orang dalam perjalanan, maka hendaklah mereka mengangkat salah seorang daripada mereka menjadi ketua".

(riwayat Abu Daud)

Dalam satu hadis yang lain, Nabi s a w . bersabda yang maksudnya;

"Tidak boleh bagi orang yang berangkat ke tengah padang pasir kecuali mereka mengangkat salah seorang daripada mereka untuk menjadi pemimpin mereka".

(riwayat Ahmad)

Satu lagi hadis yang berkaitan dengan tuntutan bekerja dalam kumpulan ialah hadis Nabi s.a.w. yang maksudnya;

"Hendaklah kamu berada dalam jamaah (kumpulan), kerana sesungguhnya berjamaah itu adalah rahmat, sedang perpecahan itu adalah azab".

(riwayat Muslim)

Dalam satu hadis yang lain pula, Nabi s.a.w. menyifatkan orang tidak berada dalam kumpulan sebagai terkeluar daripada umat Islam dan mudah terpedaya hingga dikuasai oleh musuh ibarat kambing yang dimakan oleh serigala kerana suka menyendiri. Sabda Nabi s.a.w. yang maksudnya;

"Barangsiapa yang memecah-belah, maka ia bukan daripada golongan kami. Tangan (bimbingan) Allah bersama-sama dengan jamaah dan sesungguhnya serigala hanya memakan kambing yang menyendiri".

(riwayat al-Tabrani)

Menurut perspektif Islam, orang yang mati dalam keadaan terpisah daripada jamaah kaum muslimin, maka bererti ia mati sebagai mati jahiliyyah. Ini berdasarkan hadis Nabi s.a.w. yang maksudnya;

"Barangsiapa yang mati dalam keadaan memisahkan diri daripada jamaah kaum muslimin, maka bererti ia mati sebagai mati jahiliyyah."

(riwayat Muslim)

Kesimpulan daripada hadis-hadis tersebut menggambarkan betapa *perlunya* kita bergerak dan bekerja secara berkumpulan demi mendapatkan hasil yang terbaik dan mendapatkan rahmat Tuhan.

3.2.3 Dalil daripada Kaedah Fiqh

Dalam Pengajian Islam, terdapat satu disiplin ilmu yang dikenali sebagai Kaedah-kaedah Fiqh atau *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Ia menjelaskan prinsip umum yang terpakai untuk sesuatu hukum berdasarkan kes-kes yang lebih khusus. Antara yang berkaitan dengan tuntutan bekerja dalam kumpulan ialah kaedah "Sesuatu yang tidak sempurna perkara wajib melainkan dengannya, maka ia adalah wajib*.

Berdasarkan kaedah di atas, keperluan untuk menjadi negara yang cemerlang, gemilang dan *terbUang* berkait rapat dengan kualiti tenaga kerja yang memiliki kemahiran dan keupayaan bekerja dalam kumpulan. Melihatkan sifat bekerja dalam kumpulan amat penting demi kemajuan negara, maka usaha pendidikan sifat tersebut sebagai atribut utama graduan IPT mestilah dibuat supaya mencapai matlamat murni tersebut.

4.0 PERANAN KUMPULAN DALAM ORGANISASI

Menurut Wan Izuddin (1991) pada masa kini organisasi yang wujud adalah bertambah kompleks dan aktiviti serta objektifnya pula berbagai-bagai, peranan kumpulan adalah tidak kecil. Pengurus-pengurus tidak dapat lagi menguruskan organisasinya dengan seorang diri. Antara hujah-hujah yang menyokong perkara ini adalah:

- (1) masalah yang dihadapi hah ini telah menjadi begitu kompleks dan memerlukan gabungan tenaga, idea, kemahiran dan pengetahuan secara kolektif untuk menghadapinya,
- (2) bukti telah menunjukkan bahawa pengurusan secara ramai serta (*participative management*) dan kolektif lebih produktif dan berjaya daripada usaha secara individu,
- (3) ramai pekerja pada hari ini menuntut hak mereka untuk bersama-sama membuat keputusan dan mengambil bahagian dalam menentukan masa depan organisasi mereka.

Justeru, pihak pengurusan pada hari ini tidak boleh memandang ringan kepada peranan kumpulan dalam organisasi masing-masing. Kajian menunjukkan seorang pengurus dalam sebuah organisasi besar biasanya menghabiskan 50 % - 80 % masanya dalam kumpulan-kumpulan tertentu.

4.1 Tujuan Kumpulan dalam Organisasi

Kumpulan diwujudkan dalam setiap organisasi untuk memenuhi fungsi-fungsi atau tujuan-tujuan tertentu. Handy (1983) menyatakan bahawa kumpulan diwujudkan dalam setiap organisasi memenuhi dua tujuan penting iaitu:

- (1) Tujuan organisasi — memudahkan pembahagian atau pengagihan kerja, pengurusan dan kawalan kerja, penyelesaian masalah, pemerosesan maklumat, dan penyelarasan. Kumpulan juga berperanan untuk membuat, mencuba, dan menilai keputusan. Kumpulan dapat berperanan untuk meningkatkan penglibatan, komitmen dan kesetiakawanan dalam organisasi.
- (2) Tujuan peribadi — walaupun kumpulan pada asasnya diwujudkan untuk melaksanakan sesuatu tugas dalam organisasi, ia juga boleh memenuhi keperluan individu-individu yang menyertainya. Individu memerlukan rangkaian atau pertalian sosial (*social affiliation and network*) di dalam sebuah organisasi yang besar. Kumpulan juga berperanan sebagai satu kaedah untuk individu-individu bekerja dan bergiat bersama-sama.

Kearney dan Bandlely (1990) menjelaskan beberapa tujuan kumpulan perlu diwujudkan dalam setiap organisasi iaitu:

- (1) Komunikasi. Kerja secara berpasukan dapat memperbaiki dan memperlicinkan lagi proses komunikasi dalam sesebuah organisasi. Kumpulan akan mewujudkan peluang interaksi yang lebih banyak dan akan meningkatkan lagi proses mengenali dan memahami antara satu sama lain dalam sesebuah organisasi.
- (2) Produktiviti. Penyertaan ramai individu dalam sesuatu tugas atau projek akan meningkatkan lagi "nilai" atau "harga" tugas tersebut. Secara tidak langsung ini akan meningkatkan lagi komitmen individu, terutamanya apabila tugas tersebut mempunyai kaitan rapat dengan matlamat dan keperluan peribadi mereka.
- (3) Matlamat. Apabila setiap orang dilibatkan dalam sesuatu tugas secara kolektif, biasanya mereka akan lebih mudah untuk menerima matlamat yang ditetapkan oleh kumpulan. Persamaan dalam tanggapan terhadap matlamat yang dituju adalah penting untuk menjayakan sesuatu tugas.
- (4) Kemahiran. Apabila individu-individu dikumpulkan dalam sebuah pasukan, sudah tentu kemahiran dan kebolehan mereka dapat digabungkan dengan lebih mudah. Kumpulan dapat memanfaatkan kepelbagaian yang ada pada setiap individu di *balutnya* secara optimum.
- (5) Perubahan. Perubahan akan lebih mudah dan cepat dilaksanakan jika ianya diterima oleh sebahagian besar daripada individu-individu dalam sesebuah organisasi. Perubahan akan lebih licin jika setiap orang merasakan bahawa mereka adalah sebahagian daripada pasukan yang merancang dan menentukan hala perubahan tersebut.

Jelaslah bahawa kumpulan memainkan peranan yang penting dalam setiap organisasi. Ini kerana kumpulan mempunyai banyak kelebihan daripada individu secara perseorangan. Kelebihan ini begitu ketara dari segi pengalaman, kemahiran, perolehan maklumat, pembahagian kerja, dan pengembelangan tenaga. Akan tetapi, kumpulan juga mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diawasi seperti apabila:

1. kumpulan mempunyai terlalu banyak persamaan antara ahli-ahlinya (*homogenous*) dan ini boleh menyebabkan kebekuan dan kejumudan;
2. kemahiran dan pengalaman setiap ahlinya tidak digunakan sepenuhnya menyebabkan berlakunya penguasaan kumpulan (*domination*) oleh orang-orang tertentu;
3. terdapatnya konflik yang tidak dapat diselesaikan hingga melemahkan organisasi;
4. kumpulan mempunyai keanggotaan yang terlalu besar hingga susah untuk dikawal.

Untuk mengoptimumkan peranan kumpulan dalam organisasi para pengurus perlu memahami asas-asas dinamika kumpulan (*group dynamics*) dengan jelas. Mereka juga perlu memahami dan mempunyai kemahiran yang sewajarnya dalam pembinaan pasukan yang berkesan.

5.0 KAEDAH PENDIDIKAN SIFAT BEKERJA DALAM KUMPULAN

Menurut Prof. Madya Khairi Izwan bin Abdullah, terdapat dua model dalam membangunkan kemahiran generik di kalangan pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran. Kedua-dua model yang dimaksudkan ialah model infusion dan model diffusion.

Model Infusion ialah satu pendekatan yang menerapkan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran semua atau beberapa mata pelajaran sesuatu program tanpa memperkenalkan satu atau beberapa mata pelajaran generik secara khusus. Sebagai contoh, seorang pensyarah boleh mengamalkan kerja kumpulan dalam mengajar mata pelajarannya dan secara tidak langsung pelajar diajar kemahiran bekerja secara berkumpulan. Pendekatan ini juga dikenali sebagai '*curriculum integrated approach*' (Bennett et. al., 2000).

Model Diffusion ialah satu atau beberapa mata pelajaran diwujudkan khas untuk membangunkan kemahiran generik. Pendekatan ini juga dikenali sebagai '*stand-alone development*' (Bennett et al., 2000) kerana ia diadakan sebagai satu unit atau mata pelajaran berasingan daripada bidang pengajian utama pelajar. Contoh mata pelajaran adalah seperti 'Public Speaking', 'Lateral Thinking' dan sebagainya.

Di UTM, mata pelajaran yang membangunkan kemahiran generik pelajar melalui model diffusion adalah seperti berikut:

1. Pemikiran Kritis dan Kreatif (mata pelajaran universiti, elektif)
2. Komunikasi Berkesan (mata pelajaran universiti, elektif)
3. Pengucapan Umum (Ko-kurikulum, elektif).

Selain mata pelajaran di atas, terdapat juga mata pelajaran yang menggabungkan kedua-dua model diffusion dan infusion dalam membangunkan kemahiran generik di kalangan pelajar. Mata pelajaran tersebut ialah 'Projek Amalan Profesional' yang ditawarkan di beberapa fakulti di UTM. Selain mengajar kemahiran dan pengetahuan teknikal, kedua-dua mata pelajaran ini membangunkan kemahiran generik secara eksplisit di kalangan pelajar.

Model diffusion dalam pembangunan kemahiran generik boleh diamalkan dalam dua bentuk iaitu;

1. Mewujudkan satu mata pelajaran umum yang dinamakan 'Generik Skills', '*Employability Skills*' atau nama lain yang sesuai yang mana beberapa kemahiran generik utama diajar secara eksplisit.
2. Mewujudkan beberapa mata pelajaran seperti 'Problem Solving', 'Autonomous Learning', 'Public Speaking' dan lain-lain. Setiap mata pelajaran memberi tumpuan khas kepada satu kemahiran generik sahaja.

Prof. Madya Khairi Izwan bin Abdullah menambah bahawa antara kekangan yang mungkin dihadapi dalam pendekatan diffusion ialah mata pelajaran serta kredit tambahan perlu diwujudkan dan ini akan menambahkan lagi beban pelajar. Walau bagaimanapun, pendekatan model diffusion ini mempunyai beberapa kelebihan iaitu;

1. Nama mata pelajaran kemahiran generik akan dicatatkan dan ditawarkan sebagai sebahagian daripada pakej kurikulum sesuatu program. Ini merupakan satu cara

universiti memaklumkan kepada bakal pelajar, masyarakat dan majikan tentang kemahiran dan nilai-nilai yang akan diterapkan dalam diri seseorang graduan.

2. Pembangunan kemahiran generik secara eksplisit akan meningkatkan lagi kesedaran pelajar tentang pentingnya kemahiran generik berbanding pendekatan infusian yang mana kepentingan kemahiran generik mungkin tidak begitu ketara kerana pendekatan utama adalah penguasaan disiplin (disciplinary knowledge).

Jika mata pelajaran tambahan bagi kemahiran generik tidak dapat diwujudkan, satu alternatif pelaksanaan ialah dengan mengadakan kursus atau bengkel jangka masa pendek. Dalam kursus ini beberapa kemahiran generik yang dikenalpasti dan dianggap penting dapat diajar secara eksplisit kepada pelajar. Walau bagaimanapun, alternatif ini bermakna kemahiran generik tidak dapat ditawarkan sebagai sebahagian daripada pakej kurikulum sesuatu program akademik.

Perlu diingatkan bahawa model diffusion bukan satu pendekatan alternatif untuk menggantikan model infusian. Model ini jika dilaksanakan merupakan pendekatan tambahan untuk mengukuhkan usaha pembangunan kemahiran generik melalui model infusian. Untuk mencapai kesan yang optimum, usaha membangunkan kemahiran generik di kalangan pelajar melalui model infusian dan diffusion perlu mengikut garis panduan seperti berikut;

1. Kemahiran yang dipelajari dan dinilai harus dinyatakan secara eksplisit dalam rangka kursus mata pelajaran.
2. Pengalaman/aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membangunkan kemahiran generik perlu berkaitan dan relevan dalam bidang pengajian pelajar.
3. Pembangunan kemahiran adalah secara berperingkat dan berulang supaya pelajar dapat membuat refleksi atas kemahiran yang diajar dan mengulang kemahiran tersebut dalam pelbagai konteks;
4. Pelajar perlu diberi maklum balas dalam bentuk sumatif dan formatif mengenai perkembangan kemahiran mereka. Dengan maklum balas ini, pelajar akan jelas tentang apa yang diharapkan daripada mereka dan akan dapat memantau serta mengurus kemajuan diri mereka sendiri (Fraser 2001).

6.0 PENDEKATAN ISLAM DALAM PEMBANGUNAN SIFAT BEKERJA DALAM KUMPULAN

Secara lebih fokus, kita lihat pendekatan sebuah gerakan Islam yang terkenal di dunia Islam iaitu al-Ikhwan al-Muslimun yang diasaskan oleh al-Syahid Hasan al-Banna. Pendekatan tersebut diolah dalam bentuk amalan doa yang dikenali dengan Doa al-Rabitah iaitu. Untuk mendalami doa tersebut, mari kita perhatikan maksudnya.

Ya Allah, Engkau mengetahui bahawa hati-hati ini (orang yang telah dibayangkan tadi) telah berkumpul kerana mengasihi-Mu, bertemu untuk mematuhi (perintah)-Mu, bersatu memikul beban dakwah-Mu. Hati-hati ini telah mengikat janji setia untuk mendaulat dan menyokong syariat-Mu, maka eratkanlah Ya Allah akan ikatannya. Kekalkan kemesraan antara hati-hati ini. Tunjukkan kepada hati-hati ini akan jalannya (yang sebenar). Penuhkan (piala) hati ini dengan cahaya Rabbani-Mu yang tidak

kunjung malam. Lapangkan hati-hati ini dengan limpahan iman/keyakinan dan keindahan bertawakkal kepada-Mu. Hidup-suburkan hati-hati ini dengan makrifat (pengetahuan sebenar) tentang-Mu... (Jika Engkau mentakdirkan mati) maka matikanlah pemilik hati-hati ini sebagai para syuhada' dalam perjuangan agama-Mu. Engkaulah sebaik-baik sandaran dan sebaik-baik penolong. Ya Allah, perkenankanlah permintaan ini. Ya Allah, restuilah dan sejahterakanlah Junjungan kami Nabi Muhammad, keluarga dan para Sahabat Baginda semuanya. Amin.

Jika kita amati maksud doa tersebut, jelas menggambarkan betapa kukuhnya ikatan hati yang ingin dijalin sesama ahli kumpulan. Kesatuan hati adalah asas kepada kesatuan fikiran dan tindakan dalam sesebuah kumpulan. Untuk mendapatkan kesan yang lebih mendalam, 'amalan doa tersebut perlu disertai dengan penghayatan makna dan tujuan doa tersebut dibaca selain dijadikan amalan dalam kumpulan sama ada secara mingguan, bulanan dan sebagainya.

7.0 KISAH TELADAN SIFAT BEKERJA DALAM KUMPULAN

7.1 Kisah Perang Ahzab

Antara kisah teladan yang berkaitan dengan sifat bekerja dalam kumpulan ialah peristiwa yang berlaku ketika umat Islam menghadapi Peperangan Khandaq atau dikenali juga dengan Peperangan Ahzab. Fokus utama sebagai teladan daripada peperangan tersebut berkisar peristiwa menggali parit yang melibatkan gabungan tenaga antara golongan Muhajirin yang berasal daripada Mekah dan golongan Ansar yang merupakan penduduk asal Madinah yang dikenali dulunya sebagai Yathrib.

Peperangan Ahzab yang berlaku pada tahun kelima Hijrah dan melibatkan kekuatan tentera bersekutu musuh Islam seramai 10 ribu orang sementara jumlah tentera Islam seramai tiga ribu orang sahaja. Hasil perbincangan antara Rasulullah s.a.w. dan para sahabat mereka memilih untuk melaksanakan cadangan Salman al-Farisi agar menggali *pant* di sekeliling kota Madinah. Kerja-kerja menggali parit berjalan lancar dan strategi tersebut mendatangkan hasil dengan umat Islam mencapai kemenangan serta terselamat daripada perancangan jahat tentera bersekutu yang memusuhi Islam (al-Mubarakfuri 1988: 355-370).

Apa yang menarik daripada peristiwa tersebut ialah bagaimana umat Islam dapat menerima cadangan bernas daripada Salman al-Farisi yang bukan daripada golongan Muhajirin mahupun golongan Ansar bahkan berasal daripada Parsi (Iran). Selain itu, semangat kerjasama dan bekerja dalam kumpulan yang ditunjukkan perlu dicontohi oleh generasi hari ini. Realitinya, mereka mengutamakan matlamat kumpulan iaitu mempertahankan Islam berbanding matlamat pertbadi. Mereka juga memiliki rasa tanggungjawab, tahu peranan dan tugas yang mesti dibuat, mengenalpasti proses kerja dengan sebaik mungkin dan mementingkan hubungan sesama mereka tanpa dibatasi oleh fahaman perkauman, bahasa dan asal keturunan.

7.2 Kisah Burung Lumpuh

Dalam satu riwayat menceritakan, Syaqq al-Balkhi, seorang sufi menceritakan kepada Ibrahim bin Adham satu peristiwa yang disaksikannya:

"Tatkala aku singgah berteduh di satu tempat untuk berehat, aku terlihat seekor burung yang buta dan lumpuh. Aku berasa hairan bagaimana burung itu boleh hidup sedangkan ia tidak boleh bergerak dan melihat. Setelah aku berada di situ beberapa ketika, tiba-tiba datanglah seekor burung lain membawa makanan kepadanya beberapa kali dalam sehari."

Sesungguhnya, itulah yang ditunjukkan oleh Allah tentang kekuasaannya yang perlu diperhatikan dan diambil iktibar oleh manusia. Manusia seharusnya tidak betah untuk melihat kesengsaraan orang lain dan sepatutnya menghulurkan pertolongan sewajarnya. Dengan pertolongan tersebut, orang lain dapat meneruskan kehidupan mereka di atas muka bumi dan sama-sama berkongsi mengecapi nikmat Allah. Tidak keterlaluan jika dikatakan orang yang membiarkan saudara-saudaranya berterusan di dalam kesusahan adalah manusia yang zalim dan tiada peri kemanusiaan. Malah, Allah juga amat murka ke atas hamba-Nya yang tidak mempedulikan kesusahan saudaranya.

8.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Sebagai kesimpulannya, sifat bekerja dalam kumpulan adalah satu daripada atribut utama yang perlu ada pada setiap graduan. Pendidikan sifat bekerja dalam kumpulan perlu dimulakan daripada institusi kekeluargaan dan penekanan terakhirnya di institusi pengajian tinggi sebelum seseorang graduan melangkah ke alam pekerjaan. Penekanan kepada sifat bekerja dalam kumpulan adalah selaras dengan Islam yang amat menitikberatkan penglibatan dalam kumpulan. Hal ini jelas berdasarkan beberapa dalil daripada al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w.

Terdapat dua pendekatan utama dalam menerapkan sifat bekerja dalam kumpulan iaitu menerusi model infusion dan model diffusion. Hasil perbandingan antara kedua-dua model didapati model diffusion memiliki kelebihan berbanding model infusion. Antara kelebihan model diffusion ialah kemahiran generik yang dianggap penting oleh majikan dan masyarakat dapat ditawarkan dengan jelas dan nyata dalam pakej kurikulum sesuatu program akademik. Keadaan ini mungkin dapat menambahkan lagi daya pasaran atau marketability graduan universiti. Namun, model diffusion ini perlu dilaksanakan bersama model infusion supaya kemahiran generik dapat diterapkan secara sistematik dan komprehensif dalam sistem pengajaran dan pembelajaran.

Usaha membangunkan sifat bekerja dalam kumpulan di kalangan graduan IPT juga perlu dilakukan menerusi amalan doa seperti Doa al-Rabitah yang diperkenalkan oleh Hasan al-Banna, pengasas gerakan Ikhwan al-Muslimin. Amalan doa tersebut perlu disertai dengan penghayatan makna dan tujuan doa tersebut dibaca dan diamalkan sama ada *secara* mingguan, bulanan dan sebagainya.

Semoga usaha pemantapan dalam membangunkan sifat bekerja dalam kumpulan di kalangan graduan dapat dihalusi dan diperincikan serta dibincangkan dengan serius oleh mereka yang berkenaan demi memastikan pembangunan negara berjalan lancar dan nasib para graduan lebih terbela, lebih bersedia untuk memasuki alam pekerjaan dan dapat berbakti kepada masyarakat dan negara kita.

RUJUKAN

- Abu'Urwah. 1988. cet. ke-3. *Risalah Ushrah*. jil. 3. bhg. 1. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- al-Banna, Hasan. 1988. edisi baru. *al-Ma'thurat (al-Wadhifah al-Kubra)*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Isam Ahmad al-Bashir. 1990. *Shatiyyat al-'Amal af-Jama'iyi wa Daruratuh*. Khartoum: Daral-al-Nadhir.
- Johari Hj. Alias. 1989. *Mencari Kesempurnaan Pekerti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Khairi Izwan bin Abdullah, *Perkembangan Kemahiran Genen'k Di Kalangan Pelajar UTM Melalui Model Diffusion*. Kertas kerja dibentangkan dalam Bengkel Pembinaan Atribut Graduan dan Penerapan Kemahiran Generik di Kalangan Pelajar UtW pada 17-20 Mac 2004 di Renaissance Hotel, Melaka.
- al-Mubarakfuri, Safiyy al-Rahman. 1988. cet. ke-6. *al-Rahiq al-Makhtum*. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- New Straits Times, (bertarikh 20/8/2003).
- Sayyid Qutb. *Fi Zilal al-Quran*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Wan Izuddin. 1991. *Strategi Membina Pasukan Berkesan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.